

**UCAPAN ALU-ALUAN OLEH PRESIDEN PBS
YB DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN KITINGAN
SEMPENA PERASMIAN PERHIMPUNAN AGUNG TAHUNAN PBS KE-23
OLEH YAB PERDANA MENTERI MERANGKAP Pengerusi BN Malaysia
PADA 1 NOVEMBER 2008 DI HOTEL SUTERA MAGELLAN, KOTA KINABALU**

INTRODUCTION: SALUTATIONS

PANTUN

Ke Teluk Marudu memancing ikan
Indah pandangan menusuk hati
Selamat datang kami ucapkan
Kepada PM yang berbudi bakti

Kalau bukan kerana kuah
Lauk tidak sedap dimakan
Kalau bukan kerana Pak Lah
Tak mungkin PBS bersama BN

APPRECIATE PM'S PRESENCE

Dalam kesempatan ini, saya meluahkan perasaan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya, bagi pihak warga PBS, Ahli-Ahli dan penyokong-penyokong PBS, kepada YAB Datuk Seri Panglima Abdullah Ahmad Badawi, dan juga Datin Seri Panglima, kerana sekali lagi sudi untuk merasmikan Kongress PBS ke-23, pada hari yang amat bertuah ini, walaupun begitu sibuk dengan tugas yang lebih penting.

3RD TIME PERASMIAN BY PM

Kehadiran YAB Perdana Menteri, sebagai Presiden BN, bagi kali yang ketiga dalam sejarah PBS, amat memberangsangkan lagi semangat juang kami sebagai anggota BN, dan memeriahkan lagi perhimpunan kita pada hari ini.

ELECTION AFTERMATH

YAB Datuk Seri, kami masih ingat, pada bulan November, 2007, apabila Pak Lah hadir bagi kali yang kedua untuk merasmikan Kongress PBS ke-22, sebagai Presiden BN, YAB telah menekankan bahawa “BN Sabah mesti ada kekuatan (NST p1 BM 12 Nov 2007) dengan mendapat sokongan majoriti dari rakyat di negeri ini dalam pilihanraya akan datang sebagai tanda sokongan terhadap Pembangunan Koridor Sabah.”

Kami di Negeri Sabah telahpun melakukan keputusan dalam pilihanraya yang terbaik menyokong BN dengan majority 99% di peringkat Dewan Undangan Negeri dan juga di peringkat Dewan Rakyat. Ini benar-benar menunjukkan sokongan kuat kepada BN dan kepimpinan Pak Lah, dan, sekaligus, tanda **endorsement** yang kuat kepada rancangan Pembangunan Koridor Sabah (SDC).

Kami, rakyat negeri Sabah, mengharapkan juga yang terbaik daripada Kerajaan Pusat, serta juga Kerajaan Negeri, demi kepentingan rakyat dan pembangunan Negeri Sabah.

POLITICAL TSUNAMI

Kami terus mengaharapkan dengan kekuatan semangat sokongan yang kami beri dari Negeri Sabah, yang terus menstabilkan kedudukan Kerajaan BN, terutama sekali apabila kita dikejutkan dengan “political tsunami”, harapan Negeri Sabah untuk menikmati kemajuan pembangunan serta “equitable distribution of economic wealth and opportunities” tidak terjejas, bahkan ianya akan terus menjadi kenyataan.

PROMPTED RE-BRANDING EXERCISE FOR BN

“Political Tsunami” yang menimbulkan banyak ketegangan dan kekecohan, telah mengwujudkan suasana yang melefazkan bermacam-macam perasaan, dari berbagai-bagai pihak, termasuklah dari dalam BN sendiri.

RELEASE OF FEELINGS AND FRUSTRATIONS OBVIOUS

Perasaan yang banyak, selama beberapa tahun kebelakangan, yang di simpan di dalam hati telah di keluarkan, sehingga ada yang terlupa bidang kawalan yang dibenarkan oleh undang-undang.

Apa yang terlepas dan terkeluar dari dalam hati rakyat haruslah dianalisa dan ditapis, dan dimana ternyata tindakan yang perlu diambil berasaskan kebaikan, kebijaksanaan, dan apa yang adil dan “equitable” harus diberi perhatian yang serius dan dilaksanakan dengan wajar, dan seberapa cepat yang boleh.

PROMPTED EXIT OF A COMPONENT PARTY

Sudah menjadi kenyataan dan sebahagian dari sejarah politik Negara bahawa akibat dari ketidakpuasan hati, satu daripada 14 komponen parti BN telahpun melakukan keputusan keluar daripada kumpulan BN.

INTERNAL UMNO FEELINGS RELEASED

Kita juga telah melihat pergolakan dalaman didalam parti UMNO sendiri.

PROMPTED DESIRE FOR POLITICAL STABILITY

Justru, dengan gelombang politik yang membimbangkan, tentu sekali perasaan daripada kita sekalian yang bertanggungjawab diseluruh Malaysia, ingin sekali melihat wujudnya kembali kestabilan politik.

Hasil daripada keinginan kembalinya kestabilan politik, tersebutlah cadangan awal untuk memindahkan Perlembagaan Malaysia dengan memuatkan satu peruntukan baru yang, umumnya, dikenali sebagai “anti-hop law”.

Cadangan ini mempunyai “merit” yang perlu dipertimbangkan dengan wajar kerana cadangan itu akan membantu membawa Malaysia ke-era kestabilan politik.

DECISION IN NATIONAL INTEREST: RESPECTED

Sejak beberapa bulan berlepas daripada bulan March, dimana gelombang politik masih di rasai oleh rakyat Malaysia, diumumkan pula keputusan dari YAB sendiri bahawa Datuk Seri Pak Lah tidak akan bertanding semula sebagai Presiden UMNO pada tahun 2009, dan akan bersara pada bulan March, 2009.

PAINFUL BUT CERTAINLY EXEMPLARY

Kami berperasaan bahawa ini amat mengejutkan, terutama sekali sepeerti dari saya penyokong kuat Pak Lah., dan keputusan ini tentu sekali bukan senang difikirkan, dan tentu sekali telah difikirkan dengan semasak-masaknya, sebelum ianya diputuskan. Dan, oleh sebab kami difahamkan bahawa keputusan ini telah mengambilkira apa yang baik untuk mengukuhkan perpaduan di dalam parti UMNO sendiri, dan membantu meredakan suasana politik Negara, kita terpaksa akur dan menghormati keputusan yang di buat oleh YAB Pak Lah sendiri.

This, indeed, is most painful but certainly exemplary. Only an experienced statesman can have such capacity to decide.

RENEWED HOPES AND ASSURANCES: APPRECIATED

“Patah tumbuh hilang berganti” sudah pula ternyata dalam susunan pucuk kepimpinan UMNO yang akan berlaku pada tahun 2009.

Kepada pucuk kepimpinan baru dalam UMNO kita letakkan harapan baru kita demi kepentingan Negeri Sabah, serta rakyatnya.

Assurances from the present Deputy Prime Minister, who has been anointed as the successor to Pk Lah, that he will continue the good programmes and policies laid down by Pak Lah are indeed appreciated and supported.

BN COMPONENTS EXPRESSED NEW IDEAS

Dalam keadaan sekarang, banyak pula anggota-anggota komponen BN yang telah mengambil kesempatan untuk meluahkan pendapat mereka untuk di pertimbangkan oleh pucuk kepimpinan BN.

INCLUDING DIRECT BN MEMBERSHIP

Ini termasuklah cadangan untuk mengwujudkan “direct membership” BN.

CREATE ANOTHER BN DEPUTY POST

Ini termasuklah juga cadangan untuk mengwujudkan satu lagi jawatan Deputy President BN post untuk MCA.

DO AWAY WITH RACIAL POLITICS

Ada komponen juga yang terus mencadangkan agar “racial politics” dihapuskan.

DO AWAY WITH NEP

Ada pula yang tidak berselindung lagi untuk menghapuskan DEB.

GET RID OF PTI

Banyak yang lantang menyuarakan penyelesaian dibuat dengan cepat masalah kehadiran Pendatang Tanpa Izin (PTI/PATI).

GET RID OF ARROGANCE

Ramai pula yang mengingatkan supaya pemimpin-pemimpin BN tidak sombong atau “arrogant”.

NO CITIZENSHIP BY THE BACK DOOR

Ramai juga yang mengingatkan undang-undang tidak membolehkan pemberian kewarganegaraan melalui pintu belakang, dan ianya harus diberhentikan.

PROTECT CITIZENSHIP: NO EROSION OF CITIZENSHIP

Dan memang kita bersetuju agar warganegara Malaysia harus dilindungi, dan hak kerayatan warga Malaysia itu harus tidak terjejas dan luntur.

NO IC BY THE BACK DOOR

Banyak yang mengingatkan bahawa undang-undang pemberian kad pengenalan (IC) tidak seharusnya dilakukan dari pintu belakang.

ENSURE EQUITABLE OPPORTUNITIES

Justru, adalah diharapkan agar kesemuanya teguran-teguran itu diberi perhatian yang wajar.

Dan, seterusnya, laksanakan program-program yang akan membawa kesejahteraan melalui pelaksanaan pemberian “equitable and fair opportunities.”

PRESERVE AND PROTECT COUNTRY'S COMPETITIVE ADVANTAGE

Negara kita mempunyai kekuatan dan “competitive advantage” daripada segi kepelbagaian keturunan dan kepandaian. Kesemuanya ini harus dilindungi dan diberi dorongan dan bantuan.

PLURALITY: UNITY IN DIVERSITY

Daripada segi kepelbagaian kemasyarakatan kita mesti berusaha bersama-sama dan bersungguh-sungguh untuk mewujudkan suasana kemasyarakatan berasaskan “Unity in Diversity”, sepertimana yang ditekankan oleh YAB Perdana Menteri sendiri.

RELIGIOUS FREEDOM: SINCERE PROTECTION SOUGHT

Selain mengutamakan aspek pembangunan fizikal, Perdana Menteri yang kita kasihi juga amat mengambil berat dari segi pembangunan insaniah yang bukan sahaja menekankan kepada pembangunan modal insan tetapi juga dari aspek pembangunan kerohanian dengan pendekatan Islam Hadhari yang diilhamkan oleh beliau. Secara tidak langsung, penduduk Malaysia yang bukan bergama Islam menghargai ekspresi dalam pendekatan Islam Hadhari yang mengiktiraf aspek universal dalam kehidupan beragama yang pelbagai.

We need sincere protection and practice of religious freedom.

JANGAN CAKAP TIDAK SERUPA BIKIN

Jangan sampai kita didakwa pula hanya bercakap tidak serupa bikin.

ADVISED: JANGAN MELAMPAU DAN MELULU

Kita telah diingatkan supaya jangan melampau .

As responsible citizens and leaders let us together

Heed this advise for the sake of peace, harmony
and love.

POLITICAL STABILITY HIGH IN AGENDA

Political stability must be high on our agenda.

PROPOSE ANTI-HOP LAW

Itu lah sebab kita menyokong cadangan untuk meminda Perlembagaan Malaysia dengan memasukkan peruntukan baru yang dilenali sebagai “anti-hop law”.

PRIORITISE IN FAVOUR OF THE POORER PEOPLE

YAB, kita menyokong penuh penyusunan semula dalam pendekatan dasar kerajaan untuk memberi lebih banyak keutamaan memihak kepada rakyat yang kurang mampu dan lebih miskin.

ERADICATION OF hardcore POVERTY SALUTED

Kami tabik dan menyokong penuh sasaran Pak Lah untuk menghapuskan “hardcore poverty” menjelang tahun 2010.

SHOWS COMMITMENT IN THE RIGHT DIRECTION

This is a noble objective, and shows the heartfelt intention and commitment of Pak Lah, as Prime Minister of Malaysia, and we believe that we all have a moral responsibility to see this commitment through.

PAYS TO LISTEN TO THE HEARTBEAT OF THE PEOPLE

YAB Datuk Seri, setelah kita melalui pilihanraya bulan March, 2008, dan setelah kita melihat keputusan diseluruh Negara tentu sekali kita juga memahami dan menerima hakikat bahawa memang ada kebaikan dan kebijaksanaan kita sebagai pemimpin-pemimpin mendengar aspirasi, rayuan, dan suara dari hati rakyat yang hanya ingin sekali melihat keadaan lebih bertambah baik untuk kepentingan Negara, dan tentu sekali, untuk kepentingan warganegara Malaysia itu sendiri.

ESPECIALLY IN SABAH AND SARAWAK

Dan, terutama sekali, permintaan dan hasrat daripada Negeri Sabah, dan juga Sarawak.

ASSURANCE KITA TIDAK DI ANAKTIRIKAN WELCOMED

Kenyataan dan “assurance” bahawa kita tidak akan dianaktirikan adalah amat dialu-alukan.

BUT MORE MUST BE SEEN TO BE DONE

But more must be seen to be done for the people of Sabah, especially the Natives of Sabah.

MORE SCHOLARSHIPS SHOULD BE GIVEN TO POORER STUDENTS

Perlu di tambah bilangan biasiswa kepada anak-anak warganegara yang kurang mampu.

MORE PRO-ACTIVE PROGRAMMES TO OVERCOME UNEMPLOYMENT HERE

Memandangkan ramai muda-mudi kita mencarikerja di Semenanjung dan Singapura, kerajaan pusat harus mengwujudkan satu jawatankuasa untuk memastikan terwujudnya lebih banyak peluang-peluang pekerjaan di Negeri Sabah, dengan program-program latihan yang lebih banyak.

SEEK TO REGAIN CONFIDENCE OF YOUR PARTNERS IN BN AND THE PEOPLE

HOPE FOR THE FUTURE IN SDC

Buat pertama kalinya sambutan **Hari Malaysia** telah dirayakan di peringkat Kebangsaan yang telah diadakan di Padang Merdeka Kota Kinabalu pada 18hb Oktober yang lepas. Sambutan ini adalah sebagai usaha kerajaan untuk memperingati pembentukan negara Malaysia melalui penyertaan Sabah, Sarawak dan Singapura dalam gagasan Malaysia pada 16 September 1963. Walaupun kini Singapura bukan lagi sebahagian daripada negara Malaysia, kita amat yakin dan percaya bahawa negara Malaysia adalah sebuah negara yang mampu untuk memperjuangkan hak rakyat Malaysia di Sabah dan Sarawak. Justeru itu, sambutan yang diadakan baru-baru itu merupakan satu pengiktirafan oleh Kerajaan Persekutuan terhadap kewujudan sistem dan juga peranan kedua buah negeri Sabah dan Sarawak dalam membentuk negara yang maju.

Secara tidak langsung ini membina satu **jambatan maya** yang menghubungkan diantara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak ke arah yang lebih akrab lagi bukan sahaja dari segi hubungan diantara rakyat SeMalaysia dari segi perpaduan dan

semangat nasionalisma tetapi juga sangat memberi manfaat dari segi memperkukuhkan ekonomi dan politik.

Sumbangan Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi dalam merapatkan jurang diantara Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung Tanah Melayu yang dipisahkan oleh laut China Selatan begitu besar sekali. Ini terpantul melalui peruntukan pembangunan yang disalurkan kepada kepada negeri Sabah dalam RMK9 dan juga SDC di Sabah dan SCORE di Sarawak. Kita amat berterima kasih kepada YAB Dato' Seri atas peruntukan SDC yang telah diagihkan kepada negeri Sabah.

Kita banyak meletakkan harapan dalam pelaksanaan Koridor Pembangunan Sabah.

THANK PAK LAH FOR INSPIRING THE SDC

Kita ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pak Lah kerana mengilhamkan Sabah Development Corridor.

BUT NEED TO ENSURE IMPLEMENTATION PROPER

Tugas yang penting kita sekarang ialah memastikan Sabah Development Corridor (SDC) Blueprint dilaksanakan dengan baik, bijak dan adil.

ALLOCATION SHOULD BE FAIR AND BALANCED IN ALL REGIONS

Peruntukan harus diagi-agikan dengan adil dan seimbang disemua semua sub-wilayah di Sabah.

THANK YOU, PAK LAH, FOR WORKING SO HARD FOR THE BENEFIT OF THE POORER PEOPLE INCLUDING IN RURAL AREAS

FOR THIS YOU SHOULD ALWAYS BE REMEMBERED BY

FOR GIVING MORE FREEDOM OF EXPRESSION WHICH SHOULD NOT BE ABUSED TO THE DETRIMENT OF HARMONY AND SECURITY

FOR EMPHASISNG ON RELIGIOUS FREEDOM AND POSITIVE INTERACTION

FOR BETTER AND MUTUAL UNDERSTANDING

FOR JUDICIARY REFORMS

FOR YOUR WARRIOR-LIKE BATTLE AGAINST CORRUPTION AND THE DRUG
MENACE

FOR YOUR PROGRAMMES TO RE-INVENT THE GOVERNMENT

FOR YOUR EMPHASIS ON EQUIPPING THE YOUTH FOR THE FUTURE

AND FOR YOUR DECISION TO HAND OVER THE MANTLE OF LEADERSHIP TO
THE YOUNGER LEADERS IN UMNO

WE WANT TO TAKE THIS OPPORTUNITY TO APPRECIATE THE ASSURANCE
FROM DPM WHO WILL CONTINUE ALL THE GOOD WORKS THAT HAVE BEEN
STARTED BY YOUR GOODSELF, PAK LAH

WE HAVE BEEN ASSURED, AND WE HAVE HOPE FOR A GOOD AND BETTER
FUTURE

ONE WHERE SABAH AND SARAWAK PEOPLE ARE GIVEN EQUAL AND FAIR
OPPORTUNITIES TO DEVELOP AND GROW TOGETHER
FOR THE BENEFIT OF MALAYSIA OVERALL.

THE TRUE AND GENUINE CITIZENS HAVE SPOKEN, PAK LAH

LET US PROTECT THEM, AND THEY WILL IN TURN PROTECT THE COUNTRY
WHOLEHEARTEDLY

LEST WE FORGET THE EXPRESSION: CHANGE OR BE CHANGED

LET US, THEREFORE, WORK TOGETHER FOR A BETTER ENDING

PAK LAH WE THANK YOU FOR YOUR GOOD WORK LAID DOWN

WE WILL HELP TO CONTINUE THE GOOD WORK

WE SALUTE YOU AND WILL ALWAYS REMEMBER YOUR GOOD DEEDS FOR
SABAH, AND SARAWAK TOO

THANK YOU FOR BEING HERE AND TO GIVE US AN OPPORTUNITY TO WISH
YOU ALL THE BEST IN YOUR FUTURE UNDERTAKINGS

THANK YOU, PAK LAH! WE SALUTE YOU!

PANTUN

Burung helang terbang berkawan

Terbang bersama ke pulau jati
Ikhlas sungguh hati mu PM tuan
Sudah tersemat di dalam hati

Gadis manis berpegang tangan
Sambil bernyanyi di dalam taman
Bimbingan PM tuan takkan ku lupakan
Akan ku kenang ke akhir zaman